

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29 July 2015

# BUKTI KEWUJUDAN MELAYU SEBELUM 1786

um - 29/7/2015

Oleh TALIB SAMAT

TULISAN A. Murad Merican bertajuk "Pulau Pinang dan Pengkhianatan Sejarah" dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 23 Julai lalu menarik untuk dibantu dan diperkembangkan untuk kefahaman masyarakat Malaysia khususnya yang buta sejarah kewujudan orang Melayu di Pulau Pinang.

Pengkhianatan sejarah dan penafian kewujudan orang Melayu di Pulau Pinang sebelum tahun 1786 semakin menjadi-jadi apabila kerajaan DAP berkuasa di Pulau Pinang.

Semua bukti kewujudan orang Melayu yang lebih awal daripada kedatangan Francis Light mahu dihapuskan dan dibuang seolah-olah negeri itu tidak bertuan dan tiada penghuni bernama Melayu.

Budaya mengkhianati sejarah kewujudan dan tamadun Melayu Pulau Pinang memang menjadi amalan kerajaan DAP Pulau Pinang yang sentiasa menindas orang Melayu sekarang menerusi dasar-dasar mereka yang berat sebelah.

Hal ini wajar menjadi peringatan kepada semua orang Melayu di Malaysia tentang apa yang berlaku di Singapura bagaimana sejarah kewujudan dan tamadun orang Melayu di Singapura juga dinafikan. Kerajaan Singapura sekarang hanya mengiktiraf sejarah Singapura bermula dengan kedatangan Stamford Raffles pada 1809.

Taktik dan strategi kedua-dua kerajaan Singapura dan Pulau Pinang ini dalam memalsukan sejarah ketuanan orang Melayu di kedua-dua negeri itu sama sahaja modus operandinya iaitu menafikan segala bukti sejarah tentang tamadun bangsa Melayu dan menjadikan sejarah bangsa Melayu seolah-olah tidak bernilai di mata mereka.

Hal ini diburukkan lagi oleh sikap sarjana dan penulis Melayu yang masih kurang menulis buku sejarah kehebatan bangsa Melayu di negeri masing-masing dan kurang dipromosikan un-

## Pulau Pinang dan pengkhianatan sejarah

**U**NGKAPAN dan kepercayaan bahawa sejarah Pulau Pinang bermula dari tahun 1786 masih berlanjutan. Apakah kita mahu lakukan satu mata dalam sejarah negara?

Secara khususnya, sejarah dan perjumpaan Pulau Pinang amat dikhiatkan. Saya merujuk kepada makalah Dr. Chandra Muzaffar (*Utusan Malaysia* 5 Julai 2015) yang membentangkan terhadap apa yang dipaparkan dalam laman web rasmi Pulau Pinang. Terlebih awal ialah pada 12 Julai di mana seorang lagi cendekiawan, Prof. Dato' Seri Md. Salleh Yusoff dari Universiti Sains Malaysia telah mengungkap kenyataan laman web tersebut. Sumber laman itu ialah *Buku Peringatan Pulau Pinang*.

Utamanya tentang Malaysia dan Pulau Pinang. *Utusan Malaysia* 23 Julai 2015.



Kewujudan Melayu di Pulau Pinang juga tidak disebut, dan ditonjolkan dalam perhimpunan Georgetown dan Melaka sebagai Bandar Warisan. Tahun 1786 dipaparkan sebagai bermulanya sejarah dan tamadun Pulau Pinang. Ini satu penipuan besar!

Tanjung Penegeri dan Batu Uban, serta Kelawan (Kuala Awal) pada tahun-tahun 1730-an mengesahkan undang-undang Kedah. Batu Uban ialah sebuah pekan dan pelabuhan pada masa itu.

Dalam buku saya (sedang diterbitkan) bertajuk, "Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang (Dewan Bahasa dan Pustaka 2015)", saya menyifatkan Melayu di Pulau Pinang ini sebagai pengembara sejarah. Saya harap kesedaran tersebut tidak terlupakan.

Usaha penghayatan sejarah Pulau Pinang sebelum 1786 tidak ada noktah. Usaha berterusan mesti dilakukan bagi meluruskan naratif melalui pelbagai cara. Selain daripada penulisan buku, makalah, ceramah dan sebagainya, sejarawan dan cendekiawan Melayu mesti memaparkan diri dalam memaparkan sejarah Melayu Pulau Pinang (dan Kedah serta rantau ini) di

KERATAN akhbar *Utusan Malaysia*, 23 Julai 2015.

tuk pengetahuan dan kefahaman masyarakat Malaysia.

Jika diteliti dan diselongkar perpustakaan dan buku rujukan Malaysia sebenarnya sudah ada dan banyak buku yang ditulis menjelaskan bukti kewujudan sejarah bangsa Melayu berada di Pulau Pinang sebelum 1786 ditulis oleh sarjana yang prihatin dan memperjuangkan nasib bangsanya di bidang masing-masing.

Di antara buku itu ialah buku kesusasteraan berjudul *Pulo Yang Ka Satu* karya Prof. Madya Dr. Jelani Harun terbitan Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur pada 2014.

*Pulo Yang Ka Satu* adalah nama lama Pulau Pinang yang terdapat dalam hikayat dan manuskrip lama yang menjadi bukti bertulis sejarah kewujudan orang Melayu di Pulau Pinang jauh lebih awal sebelum kedatangan Francis Light pada 1786.

Dalam *Pulo Yang Ka Satu* (Pulau Yang Ke Satu) karya Jelani diperjelaskan dengan panjang lebar berdasarkan penyelidikan yang mendalam tentang kehidupan masyarakat Melayu di Pulau Pinang bukan sahaja pada sebelum 1786 malah tahun-tahun awal sebelum itu yang menunjukkan orang Melayu sudah begitu lama mendiami bumi Pulau Pinang itu.

Buku terbitan Perpustakaan Negara Malaysia ini mungkin kurang diuar-uarkan oleh penerbitnya menyebabkan masyarakat

kurang mengetahui kewujudannya seperti novel-novel popular tetapi isinya begitu padat dan baik sekali untuk menjawab persoalan yang disengajakan dan dimanipulasi oleh kerajaan DAP Pulau Pinang untuk menafikan sejarah orang Melayu sebelum 1786.

Buku ini sewajarnya diperkatakan dengan meluas oleh media massa dan media cetak tentang bukti penting dan bertulis tentang rakaman sejarah penguasaan dan tamadun terawal di Pulau Pinang yang dirintis oleh bangsa Melayu.

Di samping itu beberapa buah buku terbitan Penerbit USM tulisan sarjana sastera dan sejarah juga (penulis kurang ingat tajuknya) juga sudah menulis tentang sejarah kewujudan tamadun bangsa Melayu di Pulau Pinang sebelum 1786.

Begitu juga buku-buku lain yang ditulis oleh penulis lain mengenai sejarah dan kehidupan bangsa Melayu di Pulau Pinang pada era-era sebelum 1786 iaitu kedatangan penjajah Francis Light.

Penulis berharap buku bertajuk *Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang* (terbitan DBP, 2015) karya A. Murad Merican akan lebih memperjelaskan lagi sejarah awal Pulau Pinang dan menempatkan masyarakat Melayu Pulau Pinang sebelum 1786.

Buku yang ditunggu-tunggu oleh masyarakat Melayu dan Malaysia itu sewajarnya diuar-uarkan dengan meluas oleh semua media

massa dan media cetak di Malaysia untuk meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kesedaran sejarah dan bukti bertulis sejarah kewujudan orang Melayu di Pulau Pinang sebelum 1786. Buku ini tentunya akan menjadi bukti kukuh untuk menangkis dakwaan tentang pemalsuan sejarah yang berterusan yang dilakukan oleh kerajaan DAP Pulau Pinang yang amat menghiris hati orang Melayu walau di mana jua berada.

Nasib malang yang menimpa masyarakat Melayu Singapura yang ditulis dengan jelas oleh Prof. Lily Zubaidah Rahim dalam bukunya *Dilema Singapura: Peminggiran Politik dan Pelajaran Masyarakat Melayu* terbitan ITBM (2008) bukan sahaja sedang menimpa masyarakat Melayu Singapura tetapi juga sedang melanda masyarakat Melayu Pulau Pinang. Segala-galanya yang bernama Melayu mahu dibuang termasuk sejarah bangsanya dan tentunya sesuatu yang sukar diterima oleh mereka yang raskal.

Inilah di antara bahaya dan peringatan kepada semua bangsa Melayu yang prihatin dengan jati dirinya agar apa juga yang berlaku terhadap masyarakat Melayu Singapura dan Pulau Pinang itu tidak merebak ke negeri lain apabila parti itu berkuasa di negeri lain.

Langkah-langkah drastik perlu digerakkan di jiwa orang Melayu tentang malapetaka yang bakal menimpa mereka jika kurang berwaspada dan bersikap sambil lewa terhadap sejarah kegemilangan orang Melayu dalam pelbagai bidang kehidupan.

Sehubungan itu, kesedaran sejarah dan kepentingan mempelajari sejarah negara dan bangsa Melayu sewajarnya menjadi kewajipan masyarakat Malaysia sekarang bukan sekadar untuk lulus peperiksaan tetapi juga sebagai suatu budaya yang berterusan dan cara hidup negara maju.

**PENULIS** berkhidmat di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.